

03 MAR 2004

Kereta-Guinness

KERETA BAHAN API LOGAM M'SIA MOHON PENGIKTIRAFAN GUINNESS BOOK OF RECORDS

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- InventQjaya, sebuah makmal penyelidikan dan pembangunan bertaraf dunia yang membangunkan kereta elektrik bahan api logam pertama di Malaysia dan berjaya melakukan perjalanan sejauh 524km tanpa memerlukan pengecasan semula, telah memohon pengiktirafan daripada Guinness Book of Records.

Kejayaan itu mengatasi rekod terdahulu sejauh 344.76km yang dicatatkan oleh Reveo Inc. dari Amerika Syarikat, sebuah syarikat usahasama dengan kerajaan Malaysia yang mengendalikan InventQjaya.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif InventQjaya, Dr Sadeg Mustafa Faris dalam satu kenyataan memberitahu bahawa InventQjaya diwujudkan dengan tujuan membantu rakyat Malaysia menjadi pereka cipta dan pencetus inovasi.

Katanya langkah itu akan membantu negara menghapuskan imej sebagai pemasang reka cipta orang lain.

Dr Sadeg berkata pasukan InventQjaya telah melakukan pengubahsuaian kepada kenderaan hibrid konvensional yang dikenali sebagai Malaysia eVictory, dengan mengeluarkan enjin petrol pencemar udara dan menggantikannya dengan penjana bahan api buatan Malaysia.

Selain berjaya mencatatkan kejayaan perjalanan pandu uji yang dilakukan di sekitar Cyberjaya-Putrajaya di dalam Malaysia Book of Records, Malaysia eVictory juga merupakan kenderaan Elektrik Hibrid pertama yang menggunakan kuasa daripada penjana bahan api logam yang mengecas bateri zink.

Dr Sadeg berkata Malaysia eVictory juga yang pertama membuktikan bahawa sel logam dalam kereta elektrik boleh dicas semula selepas pemanduan.

"Perjalanan mencipta rekod tersebut dilancarkan Oktober lepas oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan pembukaan makmal bertaraf dunia InventQjaya di Cyberjaya," katanya.

-- BERNAMA

UHS HS AZH